

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN DWITAHUNAN KESATUAN GURU-GURU
MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB) DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI
KGMMB BHD. 1988

TEMPAT: UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

TARIKH: 03 DEC 1988

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Tuan Haji Nordin Hj Mahmud,
Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu
Malaysia Barat;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Kita bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana kita dapat bersama-sama di majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwitahunan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi KGMMB Bhd. 1988 ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kesatuan ini kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Agung hari ini.

2. Saya berharap Kesatuan dan Koperasi ini akan bertambah kukuh dari tahun ke tahun untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya serta juga memberi sumbangan kepada kebajikan masyarakat sekeliling. Adalah diharapkan juga Kesatuan ini akan dapat memainkan peranannya untuk membantu masyarakat pelajar dan masyarakat umum di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Saya mengucapkan tahniah kepada para guru di tanahair baik di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan Sarawak kerana telah memberi sumbangan berterusan kepada negara. Para guru telah memberi khidmat masing-masing yang sangat bermakna semenjak sebelum negara kita mencapai kemerdekaan.

4. Kemerdekaan tanahair telah diperjuangkan oleh semua lapisan rakyat tetapi salah satu kumpulan yang telah memainkan peranan yang gigih dan istimewa serta berkesan ke arah ini ialah para guru Melayu. Ramai daripada mereka yang memperjuangkan kemerdekaan, sama ada melalui penyertaan dalam bidang politik secara langsung ataupun melalui penulisan. Guru juga merupakan salah satu kumpulan yang paling aktif memupuk dan memberi semangat cintakan tanahair. Semangat inilah yang menjayakan perjuangan melawan Malayan Union dan kemudian kemerdekaan.

5. Sumbangan para guru Melayu tidak berakhir hanya untuk mencapai kemerdekaan. Selepas kemerdekaan mereka telah

memberi sumbangan dalam berbagai bentuk terhadap kesejahteraan keseluruhan rakyat. Sekarang ini kepimpinan para guru Melayu masih lagi diperlukan terutama di bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar. Jelaslah harapan masyarakat terhadap guru amatlah tinggi dan ianya tidak terhad kepada penyampaian ilmu kepada murid-murid di sekolah-sekolah sahaja. Ibu-bapa di Malaysia yakin gurulah yang akan menjadi penyambung terhadap proses pendidikan untuk membentuk peribadi yang mulia bagi anak-anak mereka. Demikianlah juga negara memberi kepercayaan ini kepada para guru.

6. Saya ingin menyebut sedikit tentang UMNO dan para guru Melayu. UMNO ingin menyampaikan penghargaan atas segala sumbangan oleh semua guru Melayu, sama ada hadir di Persidangan ini ataupun tidak, atas apa jua sumbangan terhadap keutuhan dan kekukuhan UMNO selama ini. Tiada siapa yang dapat mempertikaikan bahawa para guru Melayu di Semenanjung adalah salah satu kumpulan yang menjadi tiang utama dalam menentukan turun-naiknya UMNO semenjak dari sebelum kemerdekaan tanahair lagi. Sungguhpun lain-lain kumpulan dalam masyarakat Melayu sekarang ini muncul dan bersaing dengan guru-guru untuk merebut tempat dalam kepimpinan UMNO, peranan guru masih diperlukan dan masih penting dalam menentukan kestabilan dan kelicinan perjalanan UMNO.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Dalam dunia ini terdapat banyak bangsa dan negara. Ada bangsa yang maju, ada yang mundur. Demikian juga ada negara yang maju, dan ada yang mundur. Kaitan antara kemajuan bangsa dan kemajuan negara amatlah rapat.

8. Jika dianalisisakan kita akan mendapati banyak faktor-faktor yang menentukan maju-mundurnya sesuatu bangsa atau negara. Tetapi akhirnya kita akan mendapati bahawa nilai hiduplah yang membentuk peribadi sesuatu bangsa yang akan betul-betul menentukan jaya atau mundurnya sesuatu bangsa itu.

9. Bangsa yang malas, tidak beramanah, tidak tekun dan berdedikasi, suka bersengketa, tamak, suka menipu, mungkir janji dan lain-lain lagi nilai yang tidak baik, tidak mungkin berjaya seperti bangsa yang rajin, beramanah, tekun dan berdedikasi, jarang bersengketa, murah hati, bertanggungjawab dan tidak mungkir janji. Adalah mustahil sesuatu bangsa mempunyai dan mengamalkan semua nilai-nilai yang mulia. Namun ini tidak bermakna kita tidak harus cuba memupuk nilai-nilai ini demi keperluan kemajuan bangsa dan negara.

10. Masa yang berkesan sekali untuk menyemai nilai-nilai hidup ialah semasa kita kecil. Selain daripada ibu-bapa, guru-gurulah yang berpeluang untuk memupuk nilai-nilai ini. Oleh itu di sekolah-sekolah, murid-murid bukan sahaja perlu diajar segala ilmu pengetahuan, tetapi juga dipupuk dengan

nilai-nilai murni melalui tunjuk-ajar dan teladan oleh guru-guru.

11. Kita sudahpun mempunyai mata pelajaran sivik di sekolah tetapi mata pelajaran ini tidaklah dianggap begitu penting. Ini adalah satu kesilapan. Tekanan yang serius hendaklah diberi kepada matapelajaran ini. Tetapi selain daripada mempelajari sivik secara formal, didikan secara informal hendaklah dibuat sepanjang masa di dalam dan di luar bilik darjah. Di sinilah kita perlukan pimpinan melalui teladan. Guru-guru hendaklah menunjukkan teladan yang boleh dicontohi oleh murid-murid sepanjang masa. Seperti kata pepatah Melayu "Guru kencing berdiri, murid kencing berlari". Demikianlah dengan teladan yang tidak baik. Demikian juga sebaliknya dengan teladan yang baik. Guru-guru yang semuanya cinta kepada bangsa dan negara tentulah tidak akan mengabaikan tanggungjawab mereka yang begitu penting ini.

12. Satu perkara yang utama yang menjadi masalah di sekolah ialah disiplin. Disiplin bukanlah perkara semulajadi di kalangan anak-anak muda. Ia lebih merupakan tabiat yang diserap daripada contoh dan teladan di sekeliling mereka. Jika ada beberapa orang murid yang tidak berdisiplin dalam sebuah darjah, lambat laun murid-murid lain akan menjadi kurang disiplin juga. Ia mungkin merebak ke seluruh sekolah.

13. Tidak ada satu cara yang tetap berkesan dalam pembentukan disiplin. Tetapi jika pada awal-awal lagi disiplin dikenakan bagi semua murid dalam darjah, masalah tidak berdisiplin mungkin dapat dikurangkan. Dengan itu semua yang dilakukan dalam darjah dan di luar darjah hendaklah tertib dan mengikut peraturan.

14. Perkara kedua yang patut diberi perhatian istimewa ialah amalan berjimat cermat. Negara yang penduduknya tidak tahu berjimat cermat akan menghadapi masalah sepanjang masa. Sebenarnya tidak ada sesiapa yang mempunyai pendapatan yang cukup jika ianya berbelanja lebih daripada kemampuannya. Seseorang yang menyimpan, walaupun sedikit daripada apa yang diperolehinya, adalah kaya. Seseorang jutawan yang berbelanja lebih, walaupun hanya seringggit, adalah miskin.

15. Hakikat ini mestilah diterangkan kepada murid-murid supaya mereka akan berjimat cermat dalam menguruskan wang mereka. Jika para pelajar yang lulus dari sekolah-sekolah tahu mengurus wang mereka dengan tertib, mereka tetap menjadi orang kaya dan masyarakat serta negara akan dapat menumpang kekayaan mereka. Sebaliknya, jika mereka adalah warganegara yang boros, mereka akan menjadi beban kepada semua dan akan memburukkan ekonomi negara.

16. Saya menyebutkan dua perkara ini sebagai penting dalam pembentukan peribadi yang baik di kalangan bakal warganegara dewasa, bukan kerana kedua-dua ini sahaja yang diperlukan untuk menjamin kebahagiaan mereka dan negara, tetapi kerana kedua-dua ini adalah perkara yang amat diperlukan dalam

negara kita yang sedang membangun ini. Sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa guru-guru mempunyai peluang yang baik bagi mewujudkan warganegara yang mulia dan berjaya ini.

17. Saya ingin menyentuh sedikit tentang tabiat membaca di kalangan pelajar-pelajar dan murid-murid di luar bandar. Saya sedar bahawa perkembangan tabiat membaca ini telah tumbuh dengan begitu menggalakkan di bandar-bandar, terutama dengan adanya buku-buku yang berharga sederhana di pasaran tempatan. Oleh kerana kebanyakan guru-guru Melayu mengajar atau bermastautin di bandar-bandar kecil atau di luar bandar, saya berharap guru-guru Melayu dapat memainkan peranan masing-masing bagi menggalakkan tabiat membaca di kalangan murid-murid di luar bandar. Adalah difikirkan murid-murid sekolah rendah di luar bandar merupakan golongan yang kurang sekali mendapat kemudahan membaca oleh kerana sekolah-sekolah rendah di luar bandar jarang mempunyai perpustakaan atau perpustakaan yang lengkap.

18. Saya yakin para guru bersama-sama dengan Persatuan Ibu-bapa dan Guru atau PIBG, tentu akan dapat mencari idea yang difikirkan sesuai untuk menubuhkan perpustakaan-perpustakaan di semua sekolah rendah di luar bandar di negara kita. Saya sedar terdapat beberapa buah sekolah rendah di luar bandar yang sudahpun mempunyai perpustakaan sendiri. Walau bagaimanapun banyak lagi yang belum mempunyai perpustakaan. Usaha penubuhan dengan anjuran para guru dan ibu-bapa akan dapat mewujudkan sikap dan semangat berdikari di kalangan para pelajar, murid-murid dan ibu-bapa. Di samping itu, sekarang ini calon-calon bagi jawatan guru akan ditanyakan tentang pembacaan buku. Ini menunjukkan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan tentang pembacaan buku ini. Kita berharap dengan adanya galakan daripada Kerajaan, para pelajar dan lain-lain anggota masyarakat akan mengambil berat tentang tabiat membaca ini. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang bahasa kedua bagi anak-anak kita. Sistem pelajaran kita memperuntukan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Di samping itu, bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Arab, Mandarin, Jepun dan Perancis diajar juga di sekolah-sekolah tertentu dan di institusi-institusi pelajaran tinggi.

20. Penguasaan dua bahasa adalah satu keperluan penting di zaman moden ini. Orang yang terpelajar mestilah fasih dalam sekurang-kurangnya dua bahasa. Terjemahan tidak dapat dibuat jika tidak ada yang fasih dalam dua bahasa. Dengan itu kita tidak akan dapat mempelajari ilmu yang diterokai dalam bahasa lain. Demikian juga perhubungan dengan negara asing. Amatlah sukar mengadakan perhubungan jika kita tidak memahami bahasa-bahasa yang mereka gunakan sehingga jurubahasa mereka terpaksa menterjemah ke bahasa kita. Sama ada alih bahasa itu tepat atau tidak, kita tidak mungkin tahu. Perjanjian atau treaty tidak dapat dibuat kerana mereka tidak mungkin memahami bahasa kita dan kita pula tidak memahami bahasa mereka. Hari ini kita masih mempunyai

beberapa orang yang fasih dalam bahasa asing dan masalah ini belum ketara. Tetapi tanda-tanda yang ini akan berlaku sudah pun ada.

21. Di samping kita perlu menguasai bahasa asing dengan fasih, bahasa kita tidak boleh diabaikan. Orang yang fasih dalam bahasa asing, tetapi tidak dalam bahasa kebangsaan, tidak akan dapat menolong pertumbuhan bahasa kita, terutama untuk memperkayakannya dengan perkataan-perkataan yang dipinjam oleh kerana perkataan-perkataan dalam bahasa asing itu mempunyai makna yang tidak terdapat dalam bahasa kita.

22. Kita telah memilih Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bukan kerana sentimen atau pengaruh penjajah. Hakikat yang tidak dapat kita tolak ialah Bahasa Inggeris adalah bahasa yang difaham dan digunakan dengan luas sekali di dunia. Ia menjadi bahasa kebangsaan bukan sahaja di negara orang-orang yang berketurunan Inggeris, tetapi juga di beberapa buah negara yang banyak bahasa tempatan sehingga tidak boleh menentukan yang mana boleh dijadikan bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris juga menjadi de facto bahasa kedua bagi banyak negara di dunia. Dengan ini penguasaan Bahasa Inggeris memudahkan perhubungan kita dengan kebanyakan negara. Maka wajarlah kita mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Bahasa-bahasa lain boleh dipelajari sebagai bahasa ketiga, keempat dan seterusnya. Bahasa-bahasa asing yang kita pelajari adalah sebahagian daripada usaha kita menambah ilmu. Sepertimana penguasaan ilmu-ilmu lain tidak bermakna kita kurang sayang bahasa kita sendiri, demikian juga penguasaan bahasa asing tidak mengurangkan cinta kita terhadap bahasa sendiri.

23. Sekarang ini penguasaan Bahasa Kebangsaan di kalangan anak muda berbagai kaum di negara kita adalah tinggi dan kita boleh berbangga dengannya. Bahasa Kebangsaan sudah menjadi lingua franca yang berkesan. Apa yang kita harapkan ialah penggunaan kedua-dua bahasa, iaitu Bahasa Kebangsaan dan bahasa kedua, meningkat bersama-sama dan bukannya peningkatan penguasaan dalam sesuatu bahasa akan membawa kepada penurunan penguasaan bahasa yang satu lagi.

24. Saya ingin mengingatkan bahawa menguasai bahasa kedua, ketiga dan seterusnya tidak akan mengurangkan semangat kebangsaan kita, semangat memperjuangkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan, semangat menguasai satu bahasa sebagai tali perhubungan untuk semua kaum. Kita tidak akan melupakan semangat dan tanggungjawab kita ini. Kita daripada semua kaum telah bersama-sama berjuang mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dan kejayaannya tidak boleh kita nafikan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat kerana menjemput saya melakukan upacara perasmian Persidangan Perwakilan Dwitahunan Kesatuan dan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi KGMMB Bhd ini.

26. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Dwitahunan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi KGMMB Bhd ini.
Wabillahi taufik walhidayah wassamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.